

Zaihasrim b. Mohd Dawal

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Thursday, July 6, 2017 2:23 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: OYAGSB Tuan Rumah Mesyuarat AUN-BE Ke-17



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT

Universiti Utara Malaysia

06 JULAI 2017 / 12 SYAWAL 1438H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Mohd Amir Aizat Sainon
Gambar oleh: Shamsaimi Ezil

OYAGSB TUAN RUMAH MESYUARAT AUN-BE KE-17



UUM ONLINE: Othman Yeop Abdullah Graduate School of Business (OYAGSB) menjadi tuan rumah bagi The 17th ASEAN University Network - Business and Economics (AUN-BE) Annual General Meeting yang berlangsung mulai 5 hingga 6 Julai.

AUN-BE merupakan rangkaian di bawah AUN yang memberi tumpuan kepada kerjasama antara program-program perniagaan dan ekonomi di universiti-universiti yang menjadi ahli AUN.

Ahli-ahli AUN-BE terdiri daripada fakulti-fakulti perniagaan dan ekonomi di setiap universiti ahli AUN, yang menjalankan program siswazah yang berkaitan.

Perasmian mesyuarat tersebut disempurnakan Dekan OYAGSB, Prof Dr Zeljko Sevic di Studio OYAGSB.

Beliau yang menyampaikan ucapan aluan menerusi aplikasi SKYPE berkata mesyuarat tersebut memfokuskan mengenai cabaran dan isu-isu yang dihadapi oleh sekolah perniagaan khususnya sekolah perniagaan siswazah untuk terus kekal profesional dan relevan.

Ucap utama mesyuarat disampaikan oleh Timbalan Pengarah AUN, Dr Choltis Dhirathiti dan Profesor Kursi CIMB-UUM, Prof Dr Emeritus Dr Salim Rashid sementara laporan mesyuarat AUN-BE dibentangkan oleh Pengerusi AUN-BE, Dr Eko Suwardi.

Mesyuarat ini dibahagikan kepada empat sesi yang membincangkan mengenai isu-isu berkaitan program-program pengajian di sekolah-sekolah perniagaan dan ekonomi di universiti-universiti ahli AUN-BE antaranya perkongsian mengenai Jaminan Kualiti dan Kurikulum, Penerbitan dalam kalangan ahli AUN-BE, keterlibatan industri dan pengantarabangsaan serta penjana pendapatan.

Seramai 40 ahli mesyuarat terdiri daripada wakil-wakil universiti ahli AUN-BE dan pensyarah-pensyarah OYAGSB terlibat dalam mesyuarat ini.

Hadir sama Timbalan Dekan OYAGSB, Prof Dr Shahizan Hassan dan pegawai-pegawai UUM.

DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
☎ 04-928 3048/3049/3052/3061
✉ 04-928 3053
✉ ukkuum@uum.edu.my
f Universiti Utara Malaysia (Official FB)



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood

as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.